

Jenis Akhbar : Bernama Online  
Tarikh : 06/08/2017  
Edisi / Muka Surat : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)

## **Angkasa Sambut Baik Cadangan Koperasi Urus KR1M 2.0**

KENINGAU, 6 Ogos (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyambut baik cadangan pengurusan pengendalian Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) 2.0 diserahkan kepada gerakan koperasi di negara ini.

Presiden Angkasa Datuk Abdul Fatah Abdullah berkata, cadangan itu, sekiranya menjadi kenyataan, merupakan satu pengiktirafan terhadap peranan koperasi dalam usaha untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Menurutnya, sekiranya peluang pengurusan KR1M berkenaan berpihak kepada koperasi kelak, pihaknya akan meneliti pelbagai aspek bagi memastikan pengurusan KR1M berjalan seperti diharapkan.

"Rangkaian nilai pengurusan harus dikuasai keseluruhannya oleh koperasi jika projek itu diserahkan kepada gerakan koperasi.

"Ini termasuk kuasa mengimport barang, pengeluaran barang, pengedaran barang dan penentuan lokasi perniagaan," katanya kepada Bernama di sini hari ini selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-10 Koperasi Usahawan Ikhwan Islam Sabah Berhad di sini, hari ini.

KR1M diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan dirasmikan pada Jun 2011 yang bertujuan untuk mengurangkan bebanan rakyat selain membantu memasarkan produk pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan.

Baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Zahid Hamidi mencadangkan penamatan kontrak pengurusan KR1M kerana disifatkan tidak menepati sasaran yang diperlukan oleh kerajaan.

Abdul Fatah berkata kini terdapat lapan juta ahli koperasi yang bersedia untuk menjayakan KR1M2.0 sebagai pelanggannya.

"Separuh daripada 13,428 buah koperasi di Malaysia terlibat dalam aktiviti perkhidmatan seperti peruncitan, kedai-kedai runcit sedia ada boleh diubah suai sebagai KR1M 2.0. Rasionalnya ialah kedai-kedai runcit ini sememangnya memiliki pelanggan tetap dan lokasinya di tempat yang mudah bagi rakyat untuk mendapatkan barang keperluan," jelasnya.

Katanya, pada tahun 2016 perolehan gerakan koperasi di negara ini mencapai RM40 bilion berbanding RM33 bilion pada tahun sebelumnya, sekaligus menunjukkan gerakan koperasi di negara ini sedang berkembang pesat.

-- BERNAMA